

BAB 4

ANALISIS ADAT MELAYU DARI PERSPEKTIF TEORI *AL-'URF WA AL-'ĀDAH*

4.1) PENDAHULUAN

Adat Melayu bukan hanya dikenali sebagai adat istiadat seperti yang biasa diperkatakan. Terdapat sebahagian daripadanya yang benar-benar berkembang melalui pengetahuan (*local genius*)¹ dan kebiasaan masyarakat setempat yang dimungkin pula dengan faktor difusi pengaruh luar. Bentuk adat yang sebegini memberi impak yang besar dalam penentuan hukum yang bersifat semasa sesuai dengan realiti di Malaysia melalui pemakaian konsep *al-'Urf wa al-'Ādah*.

Oleh yang demikian, melalui penulisan bab 4 disertasi ini penulis telah mengenal pasti empat jenis adat Melayu yang sesuai untuk dijadikan analisis sebagai sumber hukum. Adat-adat tersebut adalah adat pembahagian harta sepencarian, amalan pembahagian harta pusaka adat di Negeri Sembilan, adat penggandaan barang bagi pihak perempuan yang memutuskan ikatan pertunungan dan sistem pawah. Keempat-empat adat ini telah diamalkan sejak zaman Melayu tradisional dan masih diteruskan hingga kini.

Analisis terhadap adat-adat ini akan diuraikan berdasarkan metode persejarahan dan perbandingan. Metode persejarahan digunakan agar perkembangan kemunculan sesuatu adat dapat diketahui secara lebih jelas

¹ Rahimin Affandi Abd. Rahim (2000), "Kebudayaan Melayu dan Islam di Nusantara: Suatu Analisa Pengkaedahan" (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa 111 Peringkat Kebangsaan 2000 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 6 Oktober 2000), h. 7.

manakala metode perbandingan pula melibatkan penghuraian adat Melayu melalui syarat-syarat yang terdapat pada teori *al-'Urf wa al-'Ādah*. Ia penting bagi mengenal pasti mana-mana adat sebelum ianya dijadikan sumber hukum Islam.

4.2) ANALISIS ADAT MELAYU MENURUT TEORI *AL-'URF WA AL-'ĀDAH*

4.2.1) Harta sepencarian.

4.2.1.1) Sejarah perkembangan adat pembahagian harta sepencarian.

Harta sepencarian merupakan harta yang diperolehi oleh suami dan isteri semasa perkahwinan secara usaha bersama.² Ia merupakan amalan adat yang telah diikuti secara turun-temurun oleh orang Melayu sebelum kedatangan Islam dan penjajah Inggeris.³ Apabila Inggeris mula memerintah Tanah Melayu pada tahun 1874 dan campur tangan dalam urusan kehidupan orang Melayu, konsep pembahagian harta ini turut diambil kira dalam menyelesaikan kes-kes yang melibatkan tuntutan harta semasa perkahwinan malah turut direkodkan sebagai rujukan kes bagi hakim yang seterusnya.⁴

Amalan pembahagian harta sepencarian telah diamalkan secara meluas dalam undang-undang adat Temenggung dan Perpatih. Bagi negeri yang

² M. B Hooker (1976), *Personal Laws of Malaysia*. Singapore: Oxford University Press, h. 7.

³ Suwaid Tapah (1996), "Konsep dan Amalan Pembahagian Harta Sepencarian Orang-Orang Islam di Malaysia" (tesis Ph.D, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya), h. 100.

⁴ M. B Hooker (1972), *Adat Laws In Modern Malaya: Land Tenure, Traditional Government And Religion*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 228-229.

mengamalkan adat Temenggung, konsep pembahagian harta ini dikenali sebagai harta sepencarian. Di Negeri Sembilan yang mengamalkan adat Perpatih, harta yang diperolehi semasa perkahwinan boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu harta carian, harta dapatan dan harta pembawa sebagaimana yang diungkapkan :

Carian bahagi
Dapatan tinggal
Pembawa kembali

Harta yang diperolehi oleh pasangan suami isteri semasa perkahwinan dikenali sebagai harta carian laki bini⁵ yang juga dikenali sebagai harta suarang⁶ sebagaimana kata perbilangan :

Putu bolah
Suarang boragih
Dapatan tinggal
Pombawak kembali

Tuntutan mengenai harta sepencarian biasanya dilakukan oleh pihak isteri apabila berlakunya perceraian itupun jika ada harta yang dikumpulkan dalam tempoh perkahwinan dan samada salah satu pihak yang membuat tuntutan atau ia tidak boleh diselesaikan mengikut muafakat adat.⁷ Amalan pembahagian harta sepencarian pada zaman Melayu tradisional hanya melibatkan harta alih (misalnya aksesori dalam rumah) dan harta tak alih (misalnya rumah dan tanah) yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan. Tetapi kini skop tuntutan cuba diperluaskan meliputi harta yang berbentuk saham, wang simpanan di dalam

⁵ *Ibid.*, h. 210.

⁶ Othman Ishak (1992), *Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat*. c. 3. Kuala Lumpur: DBP, h. 76.

⁷ Suwaid Tapah (1996), *op.cit.*, h. 27.

institusi kewangan, kereta dan seumpamanya yang biasanya didaftar atau dimiliki oleh sebelah pihak (pasangan).⁸

4.2.1.2) Analisis adat mengikut teori *al-'Urf wa al-'Adah*.

4.2.1.2(a)] Adat itu tidak bertentangan dengan nas iaitu merupakan adat yang *sahib*.

Di dalam surah al-Nisā', Allah telah menerangkan secara terperinci mengenai pembahagian harta warisan kepada pihak-pihak yang terlibat. Manakala pembahagian harta warisan yang berkaitan dengan suami isteri pula telah dinyatakan dalam ayat yang bermaksud :

﴿وَلَكُمْ يُصْنَعُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِن لَمْ يَكُن لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمُ الرُّبُعُ مِمَّا تَرَكُنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَنَّ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَلَهُنَّ أَرْبُعٌ مِمَّا تَرَكُنَّ إِن لَمْ يَكُن لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الْثُلُثُ مِمَّا تَرَكُنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوْضَعُونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَإِنْ كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَلَةً أَوْ أَمْرَأَةً وَلَهُ وَاحِدٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلٍّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا السُّدُسُ فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شَرِكَاءُ فِي الْثُلُثِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَنَّ بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرَ مُضَارٍ وَصِيَّةٌ مِنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْمٌ حَلِيمٌ﴾

⁸ *Ibid.*, h. 54.

Dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula satu perempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah satu perlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.

Surah al-Nisā'(4): 12.

Ayat ini secara khususnya telah menghuraikan pembahagian harta pusaka bagi suami isteri⁹ dan pembahagian ini tidak melibatkan pemilikan harta yang diperolehi melalui perkongsian bersama.

Di dalam ayat yang lain, Allah mlarang seseorang menceroboh harta milik orang lain atau mengambil harta tersebut dengan cara yang *bātil* seperti menipu, menindas dan sebagainya. Ini sebagaimana firman-Nya :

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَلَذُلْوًا بِهَا إِلَى
الْخَحَّامِ إِتَّا كُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْأَثْمِ وَأَذْنَمْ تَعْلَمُونَ

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu

⁹ Sayyid Qutub (1995M/1415H), *Fī Zulāl al-Qur'ān*, j. 4, c. 24. Beirut: Dār al-Syruq, h. 593.

menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

Surah al-Baqarah (2): 188.

Harta sepencarian yang diusahakan secara bersama antara suami isteri dikategorikan sebagai hak milik bersama dan sekiranya berlaku perceraian, ianya hendaklah dibahagi secara sama rata. Kedua-dua pihak yang terlibat mempunyai hak yang sama terhadap pemilikan harta tersebut. Jika hanya satu pihak sahaja yang mendapat manfaatnya, sudah pasti ianya termasuk dalam ayat ini yang melarang mengambil harta atau hak milik orang lain secara salah.

Pembahagian harta secara adil dan saksama diterangkan oleh Allah dalam surah al-Nisā' ayat 32 iaitu :

وَلَا تَتَنَزَّلُوا مَا فِي الْأَرْضِ بِمِمْدُونٍ لِّلرِّجَالِ
نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبُوا وَلِلْإِنْسَانِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبَنَّ وَمَنْلُوَ اللَّهُ مِنْ
فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلَيْهِمَا

Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). (Kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusahalah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Surah al-Nisā'(4): 32.

Harta sepencarian yang diperolehi oleh pasangan suami isteri hendaklah dibahagi secara sama rata kerana pembahagian sebegini menepati konsep keadilan yang dituntut oleh ajaran Islam. Selain itu, penerimaan amalan adat ini juga menunjukkan bahawa hak kaum perempuan tidak dipinggirkan malah berhak memperolehi pembahagian harta yang melibatkan harta sepencarian.

Berdasarkan keterangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pembahagian harta sepencarian yang diamalkan oleh orang Melayu menepati konsep umum pembahagian harta seperti yang telah dinyatakan oleh Allah di dalam al-Quran.

Walau bagaimanapun, dikalangan fuqaha tempatan lebih cenderung menggunakan pendekatan *qiyyās* bagi membenarkan amalan ini. Melalui kaedah tersebut, pembahagian harta sepencarian akan dirujuk kepada transaksi perkongsian (*syarīkah*) dalam *mu'āmalah māliyyah* yang dibenarkan oleh Islam.¹⁰ Transaksi tersebut boleh dikategorikan kepada 4 jenis sebagaimana berikut :

i) *Syarīkah al-abdān.*

Perkongsian kemahiran yang melibatkan dua orang yang bekerja bersama-sama bagi mendapatkan keuntungan.¹¹ Sayyid Sābiq mentakrifkan *syarīkah al-abdān* sebagai persetujuan antara dua

¹⁰ Suwaïd Tapah (1996), *op.cit.*, h. 299.

¹¹ Abū Zakariyyā Yahyā b. Syarf al-Nawāwī (t.t.), *Rawḍah al-Tālibīn*, j. 4. Qaherah: al-Maktabah al-Islāmī li al-Tibā'ah, h. 279.

pihak untuk melaksanakan suatu pekerjaan dan upahnya hendaklah dibahagikan antara keduanya mengikut persetujuan bersama.¹²

ii) *Syarīkah al-mufāwadah.*

Perkongsian yang melibatkan dua orang atau lebih berdasarkan syarat-syarat tertentu antaranya persamaan dalam hal yang berkaitan harta, hak perlaksanaan dan agama.¹³

iii) *Syarīkah al-wujūh.*

Perkongsian yang melibatkan dua orang atau lebih dalam melaksanakan suatu transaksi berdasarkan kadar harta dan tenaga yang disumbangkan bukan berdasarkan modal.¹⁴

vi) *Syarīkah al-'inān.*

Dua orang atau lebih berakad untuk berkongsi harta bagi mengusahakan sesuatu perniagaan dan pembahagian keuntungan berdasarkan nisbah harta masing-masing. Ini berdasarkan syarat-syarat berikut :

¹² Sayyid Sābiq (1997M/1417H), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3. Qaherah: al-Fath li al-I'lām al-'Arabi, h. 260.

¹³ *Ibid.*, h. 259.

¹⁴ *Ibid.*, h. 260.

- (i) Kedua-duanya mestilah terdiri daripada orang yang boleh memberi dan menerima wakil.
- (ii) Adanya lafaz yang menunjukkan keizinan bagi menjalankan perniagaan dan perbelanjaan.
- (iii) Benda yang dijadikan perkongsian mestilah dalam bentuk matawang sahaja.¹⁵

Namun kaedah *qiyās* yang diaplikasikan ini tidak tepat kerana mazhab Syafi'i hanya mengiktiraf *syarīkah al-'inān* sahaja¹⁶ manakala *syarīkah-syarīkah* yang lain adalah *bātil* (tidak sah) kerana mengandungi unsur-unsur penipuan (*gharar*).¹⁷

Di samping itu, terdapat perbezaan yang ketara antara akad perkahwinan dengan *syarīkah* yang telah dinyatakan. Ini kerana, akad perkahwinan bukan merupakan suatu kontrak diantara suami dengan isteri walaupun adanya *ijāb* dan *qabūl*. Tujuan sebenar perkahwinan adalah untuk membentuk satu pergaulan (menghalalkan hubungan kelamin diantara lelaki dan perempuan) yang sah menurut hukum *syara'*.¹⁸

¹⁵ 'Abd. al-Rahmān al-Jazīrī (1999M/1419H), *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, j. 3. Mansurah: Maktabah al-Imān, h. 76.

¹⁶ Sayyid Sābiq (1997M/1417H), *op.cit.*, h. 259.

¹⁷ Syeikh Syams al-Din Muhammad b. Khaṭīb al-Syarbīnī (1998M/1419H), *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah Ma'āni Alfāz al-Minhāj*, j. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 288.

¹⁸ 'Abd. al-'Azīz Āmīr (1984), *al-Abwāl Syakhsiyah fī al-Syar'iyyah al-Islāmiyyah Fiqhhān wa Qādī'an*. Mesir: Dār al-Fiqh al-'Arabi, h. 30.

Begitu juga dengan pendekatan yang berdasarkan konsep upah, ianya juga tidak tepat.¹⁹ Keharusan amalan adat pembahagian harta sepencarian hendaklah dirujuk berdasarkan teori *al-'Urf wa al-'Ādah* yang telah diterima oleh Islam sebagai salah satu daripada sumber penentuan hukum apabila menepati syarat-syarat yang terkandung di dalamnya.

4.2.1.2(b)] Adat itu hendaklah telah ada terlebih dahulu ketika hendak dilakukan tindakan itu dan ianya berterusan.

Amalan pembahagian harta sepencarian telah diamalkan sejak zaman Melayu tradisional lagi. Ini terbukti apabila pihak Inggeris telah mengambil kira dan mencatatkannya dalam menyelesaikan kes-kes yang berlaku di Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Perak, Pahang dan sebagainya.²⁰ Penerimaan amalan adat Melayu oleh Inggeris ini jelas menunjukkan bahawa ianya telah diamalkan dalam jangkamasa yang lama.

Walaupun dikatakan sebelum kedatangan Islam orang Melayu terdedah kepada fahaman Hindu-Buddha, namun pengaruh tersebut hanya nyata pada aspek-aspek tertentu sahaja dan tidak berupaya mengubah peranan adat dalam kehidupan masyarakat Melayu. Amalan adat pembahagian harta sepencarian dikalangan orang Melayu masih diteruskan hingga kini. Dalam konteks ini, Nik Abdul Rasyid Nik Abdul Majid telah menegaskan bagaimana kebanyakan adat

¹⁹ Suwaid Tapah (2001), "Wanita dan Hak Pembahagian Harta Sepencarian: Satu Perbincangan", dalam Raihanah Abdullah (ed.), *Wanita dan Perundangan Islam*. Selangor: Ilmiah Publisher Sdn. Bhd., h. 128.

²⁰ Haji Abd. Kadir Hj. Ismail & Abd. Monir Yaacob (1988), "Harta Sepencarian Menurut Pandangan Islam", dalam Mohd Riduan b. Awang (ed.), *Undang-Undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang-Orang Islam di Malaysia*. Selangor: al-Rahmaniah, h. 59-63.

orang Melayu yang mempunyai nilai undang-undang yang kekal sehingga sekarang kemudiannya telah dikanunkan.²¹

Amalan pembahagian harta sepencarian telah mendapat pengiktirafan undang-undang yang dimuatkan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam dikebanyakannya negeri-negeri di Malaysia.²² Kini ianya menjadi sebahagian daripada bidangkuasa pentadbiran undang-undang syariah di bawah pentadbiran kerajaan-kerajaan negeri melalui penubuhan Mahkamah Syariah.²³ Oleh yang demikian, terdapat pelbagai pentafsiran dikebanyakannya negeri mengenai konsep sebenar harta sepencarian ini namun hampir kesemuanya mempunyai maksud yang sama.

Umpamanya, Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 mentakrifkan harta sepencarian sebagai “harta yang diperoleh bersama oleh suami dan isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak”.²⁴ Manakala Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 1984 pula mentakrifkan harta sepencarian sebagai “harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri sama ada secara langsung atau tidak langsung semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak”.²⁵

²¹ Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid (2001), “Adat dan Undang-Undang”, dalam Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), *Adat Melayu Serumpun Adat Bersendi Syarak Syarak Bersendi Kitabullah*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), h. 36-37.

²² Ab. Kadir Hj. Muhammad (1996), “Harta Sepencarian: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia”, *Jurnal Syariah*, Jil. 4 Bil. 1 Januari 1996. Universiti Malaya: Bahagian Pengajian Syariah, APIUM, h. 101-102.

²³ Suwaid Tapah (1996), *op.cit.*, h. 393.

²⁴ s.2 (1), Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 (Akta 303).

²⁵ s.2 (1), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 (pindaan 1989).

4.2.1.2(c)] Adat itu hendaklah menyeluruh (غَالِبٌ) dan meluas (مُطْرِدٌ).

Pembahagian harta sepencarian bukan sahaja diamalkan oleh orang Melayu bagi kebanyakan negeri-negeri di Malaysia, bahkan rumpun Melayu lain di kepulauan Asia Tenggara. Pengamalannya hampir sama walaupun mempunyai pelbagai pentakrifan yang berbeza-beza. Negara Indonesia yang mempunyai pelbagai etnik masyarakat juga turut mengamalkan adat ini. Sebagai contoh, masyarakat Melayu Minangkabau mengenalinya sebagai harta suarang, masyarakat di Bali mengenalinya sebagai *druwe gabro* dan Kalimantan (Borneo) dinamakan *barang perpantangan*, masyarakat Melayu-Jawa memanggilnya sebagai *gana-gini* atau *barang gini* manakala di Sunda ianya dikenali sebagai *guna kaya*.²⁶

Masyarakat Aceh pula menyebutnya sebagai *hareuta sihareukat*. Masyarakat Bugis (di Makasar) mengenalinya sebagai *chakkara* atau *barang kaya* atau *campur kaya* atau *kaya ruedjeung*.²⁷ Manakala masyarakat Melayu di Singapura juga turut menerima dan mengamalkan adat ini.²⁸

Walaupun konsep harta sepencarian diikuti secara meluas, terdapat perbezaan dari segi pembahagian dan kebiasaannya melibatkan antara $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{3}$ untuk

²⁶ Soekanto (1981), *Meninjau Hukum Adat Indonesia: Suatu Pengantar Untuk Mempelajari Hukum Adat*, c. 3. Jakarta: Penerbit CV Rajawali, h. 120.

²⁷ Ismail Muhammad Sjah (1964), *Penjaharian Bersama Suami Isteri*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 18. Lihat juga B. Ter Haar (1974), *Asas dan Susunan Hukum Adat*. K. Ng. Soebakti Poepsoponoto (terj.). Jakarta: Pt. Pradnya Paramita, h. 226.

²⁸ Abdullah Abu Bakar (1991), "Harta Sepencarian Mengikut Perspektif Islam", dalam Ahmad Ibrahim *et al.*, *al-Ahkam: Undang-Undang Harta Dalam Islam*, Jil. 3. Kuala Lumpur: DBP, h. 136.

isteri dan ½ untuk suami.²⁹ Ini disebabkan oleh perbezaan dalam menilai takat sumbangan yang diberikan oleh kedua-dua belah pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun, ianya tidak memberi kesan terhadap konsep asas adat harta sepencarian yang menekankan elemen sama rata terhadap pembahagian harta tersebut.

4.2.1.2(d)] Tiada suatu perkataan atau perbuatan yang secara terang menolak penggunaan adat tersebut.

Perlaksanaan konsep harta sepencarian masih diteruskan dan diterima dengan mudah kerana ianya menepati prinsip-prinsip keadilan dan memberi kebaikan (*maslahah*) kepada pihak-pihak yang bertikai.³⁰ Pada zaman Melayu tradisional, penyelesaian terhadap pertikaian harta sepencarian selalunya diadakan melalui pemuaafakatan atau perdamaian diantara kedua-dua pihak.³¹ Kini penyelesaian terhadap harta sepencarian menjadi lebih mudah dengan tertubuhnya Mahkamah Syariah bagi mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengannya.

Secara lazimnya, pihak suami dan isteri akan menerima perlaksanaan adat pembahagian harta sepencarian khususnya apabila melibatkan pertikaian terhadap segala harta yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan. Perlaksanaan terhadap konsep adat sepencarian telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak yang terlibat tanpa wujudnya sebarang bantahan terhadap kewujudan amalan adat tersebut.

²⁹ Suwaid Tapah (1996), "Harta Sepencarian: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil. 4 Bil. 1 Januari 1996. Universiti Malaya: Bahagian Pengajian Syariah, APIUM, h. 104.

³⁰ *Ibid.*, h. 299.

³¹ Suwaid Tapah (2001), *op.cit.*, h. 129.

4.2.2) Hukum pusaka adat (tanah adat).

4.2.2.1) Sejarah perkembangan sistem pusaka adat.

Masyarakat Minangkabau dikatakan telah membina pertempatan di Negeri Sembilan sekitar tahun 1338 Masihi.³² Adat Perpatih di Negeri Sembilan berasal dari adat Minangkabau yang telah diasaskan oleh Datuk Parapatieh Nan Sabatang. Beliau juga dikenali sebagai Sutan Balun iaitu anak kepada Indo Jati (ibu) dengan Cati Bilang Pandai (ayah).³³ Walau bagaimanapun, akibat pengaruh persekitaran yang berbeza, konsep adat Perpatih di Negeri Sembilan mengalami sedikit perbezaan dengan adat Perpatih asal yang diamalkan di Minangkabau.³⁴ Amalan adat Perpatih memiliki sistem tanah pusaka adat bagi menjaga kehidupan bermasyarakat. Hukum pusaka adat ini juga telah mendapat pengiktirafan undang-undang di Malaysia.³⁵

Pada dasarnya, sistem pewarisan adat Perpatih adalah berbentuk kolektif.³⁶ Berasaskan kenyataan ini, pemilikan terhadap harta pusaka tidak boleh dibahagi-bahagikan di kalangan ahli waris. Setiap tanah adat yang dimiliki oleh sesuatu suku adalah hak milik bersama dan setiap rumpun atau keluarga dikhususkan

³² H. M Dahlan (1994), "Sistem Idea Dalam Masyarakat Adat (Suatu Renungan Tentang Struktur Sosial Adat Perpatih)", dalam A. Samad Idris (ed.), *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*. Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan, h. 78.

³³ Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *Adat Perpatih Perbezaan dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, h. 28-29.

³⁴ *Ibid.*, h. 95-96.

³⁵ Abdul Kadir Hj. Muhammad (1997), "Hukum Pusaka Orang-Orang Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas", *Jurnal Syariah*, Jil. 5 Bil. 1 Januari 1997. Universiti Malaya: Bahagian Pengajian Syariah, APIUM, h. 63.

³⁶ Abdullah Siddik (1975), *Pengantar Undang-Undang Adat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 145.

kawasan-kawasan tertentu untuk mengusahakan tanah tersebut.³⁷ Pemilikan tanah adat secara bersama ini bersesuaian dengan konsep kemasyarakatan adat Perpatih yang mengamalkan kekeluargaan bersuku. Dalam organisasi masyarakat beradat Perpatih setiap rumpun, ruang dan perut adalah digolongkan dalam satu suku yang diketuai oleh Lembaga.³⁸

Menurut adat Perpatih, harta diklasifikasikan kepada dua iaitu harta pusaka adat (tanah adat) dan harta carian.³⁹ Harta pusaka adat terdiri daripada pusaka benar dan pusaka sendiri. Pusaka sendiri merupakan harta yang diperolehi oleh seorang anak daripada kedua ibubapanya. Bagi anak perempuan, harta pusaka sendiri yang diwarisi biasanya terdiri daripada pakaian dan barang kemas manakala pusaka sendiri bagi anak lelaki pula terdiri daripada keris, pedang dan pakaian yang khusus untuk lelaki.⁴⁰ Berdasarkan kenyataan ini, harta pusaka sendiri menurut adat Perpatih adalah harta yang berbentuk barang peribadi yang dimiliki oleh ibubapa semasa hayatnya. Pentadbiran pusaka ini dikenali sebagai pusaka kecil sebagaimana yang tercatat dalam *Small Estate Act*:

*The estate of any deceased person who was at the time of his death a member of a tribe shall be deemed to be a small estate, whatever its total value and every such person shall be deemed for the purpose of this Act to have died intestate in respect of that estate.*⁴¹

³⁷ Norhalim Hj. Ibrahim (1994), "Sistem Adat Masyarakat Negeri Sembilan (Suatu Pengenalan Ringkas)", dalam A. Samad Idris (ed.), *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*, *op.cit.*, h. 64.

³⁸ Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *op.cit.*, h. 96-101.

³⁹ M. B Hooker (1972), *op.cit.*, h. 209.

⁴⁰ Haji Mohd b. H. Md. Dom (1977), *Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Federal Publications, h. 14-15.

⁴¹ s.22, *The Small Estates (Distribution) Act* 1955.

Pusaka benar pula terdiri daripada harta yang berbentuk tanah dan rumah pusaka.⁴² Segala harta ini pada dasarnya adalah dimiliki oleh suku. Berasaskan persetujuan ketua adat, harta pusaka benar akan diberikan kepada golongan perempuan untuk dipelihara dan diusahakan. Mengikut hukum adat, pemberian ini dikenali sebagai hak pakai bukan hak milik perseorangan.⁴³ Ianya bertepatan dengan perbilangan adat sebagaimana yang dinyatakan :

Terbit pusaka ke saka
Si lelaki menyandang pusaka
Si perempuan yang punya pusaka
Orang semenda yang membela

Pemberian ini juga selaras dengan kata-kata “genggam nan beruntuk” yang boleh ditafsirkan sebagai suatu pemberian yang telah dikhususkan kepada pemegang yang tertentu.⁴⁴ Dengan adanya tanah adat, golongan perempuan diberi kebebasan untuk mengusahakan tanah tersebut bagi meneruskan kehidupannya.

Walaupun begitu, pihak perempuan dilarang untuk memindahkan hak pemilikan ini kepada orang lain samada melalui penjualan, pertukaran nama atau pemindahan hak milik. Segala hal yang berkaitan dengan tanah ini perlu mendapat kebenaran daripada ketua adat selaku pihak yang mempunyai kuasa penuh ke atas tanah tersebut.⁴⁵ Antara sebab yang membolehkan penjualan tanah adat adalah seperti keperluan untuk menguruskan kematian, menunaikan haji dan menjaga maruah.⁴⁶ Pihak Buapak dan Lembaga memiliki kuasa yang sebenar terhadap

⁴² M. B Hooker (1972), *op.cit.*, h. 209.

⁴³ Abdullah Siddik (1975), *op.cit.*, h. 146.

⁴⁴ Nordin Selat (1976), *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 175.

⁴⁵ M. B Hooker (1972), *op.cit.*, h. 209

⁴⁶ Abdullah Siddik (1975), *op.cit.*, h. 147.

tanah adat kerana kedua-duanya merupakan wakil keluarga dan suku.⁴⁷ Dalam hal sebegini, hak perempuan terhadap tanah adat adalah terhad dan tertakluk kepada beberapa peruntukan seperti yang telah ditetapkan oleh adat. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdullah Siddik :

*Harta ini adalah kepunyaan waris dalam pengertian ahli-ahli suku. Semua pusaka benar diturunkan kepada anak-anak perempuan sahaja. Tegasnya, pusaka benar itu diwarisi turun-turun. Pemilik-pemilik perempuan adalah sebagai pemegang amanah yang tertentu sahaja, iaitu berhak mengusahakan, mengambil faedah daripadanya dan tempat saudara lelaki berlindung semasa bujang dan bercerai.*⁴⁸

Pewarisan terhadap tanah adat adalah secara warisan sebagaimana yang telah ditetapkan. Caranya sebagaimana yang dinyatakan berikut:

*Apabila si ibu meninggal dunia, harta tersebut jatuh kepada anak perempuannya. Sekiranya dia tidak mempunyai anak perempuan maka orang yang akan mewarisi ialah keluarga perempuan yang hampir sekali dengannya atau sekedim. Pada lazimnya, keluarga yang paling hampir tersebut ialah saudara perempuan atau anak saudara perempuan. Jika keluarga yang paling hampir juga tidak ada, orang yang layak mewarisi harta tersebut ialah waris sekedim. Namun sekiranya waris sekedim juga tidak ada maka harta akan berpindah kepada saudara perempuan dalam suku walaupun saudara jauh.*⁴⁹

Menurut sejarah adat Minangkabau, pemberian tanah adat kepada golongan perempuan adalah sebagai tanda penghargaan.⁵⁰ Namun jika perlaksanaan tanah adat ditinjau dari sudut perkembangan hukum *fiqh*, ternyata terdapat pengaruh mazhab Syi'ah di dalamnya. Ini kerana, dalam kes tertentu sistem pewarisan golongan Syi'ah akan memberi kadar pewarisan yang lebih

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ *Ibid.*, h. 146.

⁴⁹ Nordin Selat (1976), *op.cit.*, h. 176.

⁵⁰ Penghargaan di atas bantuan yang telah dihulurkan oleh kaum perempuan kerana membantu menolak kapal kepunyaan Datuk Katumanggungan dan Datuk Perpatih Nan Sebatang yang tersangkut di kawasan pasir. Lihaturaian lanjut dalam Tsuyoshi Kato (1989), *Nasab Ibu dan Merantau*. Azizah Kassim (terj.). Kuala Lumpur: DBP, h. 34.

banyak kepada kaum wanita berbanding dengan kadar yang telah ditetapkan di dalam ajaran Sunni.⁵¹

Perluasan kuasa Inggeris di Negeri Sembilan pada tahun 1874 dengan menempatkan Penolong Residen British di Sungai Ujong telah menyebabkan perubahan kepada sistem tanah adat. Melalui perluasan kuasa secara beransur-ansur, akhirnya pada 8 Ogos 1895 kesemua daerah di Negeri Sembilan telah berjaya dikuasai sepenuhnya oleh Inggeris.⁵² Pihak Inggeris telah mula campur tangan dalam kehidupan masyarakat Perpatih khususnya yang melibatkan pentadbiran tanah adat.

Penjajah Inggeris menentang pentadbiran tanah adat kerana menganggap pemberian hak milik tanah kepada golongan perempuan adalah sesuatu yang luar biasa.⁵³ Oleh itu, Inggeris telah memperkenalkan sistem hak milik individu berdasarkan sistem *Torrens*.⁵⁴ Melalui peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Inggeris, golongan perempuan mempunyai kuasa untuk menjual atau menggadaikan tanah adat tersebut.⁵⁵ Tindakan penjajah ini seolah-olah telah menyebabkan sistem tanah adat bertentangan dengan hukum *syara'* kerana hanya membenarkan kaum perempuan sahaja mewarisi pusaka.⁵⁶

⁵¹ Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: DBP, h. 119.

⁵² Nadzan Haron (1994), "Pentadbiran Tanah Masyarakat Adat di Kuala Pilah 1877-1957: Suatu Kajian Dari Perspektif Sejarah", dalam A. Samad Idris (ed.), *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*, op.cit., h. 9.

⁵³ Norhalim Hj. Ibrahim (1993), op.cit., h. 151.

⁵⁴ Nadzan Haron (1994), op.cit., h. 12.

⁵⁵ M. B Hooker (1972), op.cit., h. 209.

⁵⁶ Abdul Samad Idris (1994), "Secebis Mengenai: Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya", dalam A. Samad Idris (ed.), *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*, op.cit., h. 52.

Customary Tenure Enactment 1909 merupakan undang-undang yang digubal secara khusus bagi mentadbir tanah adat di Negeri Sembilan.⁵⁷ Melaluinya pelbagai pembaharuan telah diperkenalkan antaranya penentuan sistem pendaftaran, geran tanah dan sistem cukai.⁵⁸ Walaupun begitu, pihak Inggeris menghadapi banyak kesulitan dalam mentadbir tanah pusaka adat ini kerana sikap penajah sendiri yang enggan berbincang dengan ketua-ketua adat sebelum memperkenalkan sesuatu pembaharuan.⁵⁹

4.2.2.2) Analisis adat berdasarkan teori *al-Urf wa al-'Ādah*.

4.2.2.2(a)] Adat itu tidak bertentangan dengan nas iaitu merupakan adat yang *sabiqū*.

Pertikaian kerap timbul apabila sistem tanah adat ini dianalisa dari sudut perkembangan hukum *fiqh* Islam. Punca utama yang menyebabkan pertikaian ini adalah kaedah sebenar yang seharusnya diguna pakai bagi membolehkan amalan tanah adat diterima dalam Islam. Dikalangan pengkaji adat Melayu, pendekatan yang seringkali digunakan ialah berdasarkan sistem pusaka Islam (*al-farā'iḍ*).⁶⁰ Ini kerana, pemilikan harta adat dianggap sebagai harta milik peribadi seseorang individu berdasarkan catitan nama yang terdapat pada geran tanah. Oleh yang demikian, apabila pemilik tanah adat meninggal dunia pentadbiran harta tersebut akan dilaksanakan dan dibahagikan kepada waris yang masih hidup berdasarkan sistem *al-farā'iḍ*.

⁵⁷ M. B Hooker (1972), *op.cit.*, h. 209.

⁵⁸ Abdul Samad Idris (1994), *op.cit.*, h. 13-23.

⁵⁹ *Ibid.*, h. 30.

⁶⁰ Abdul Kadir Hj. Muhammad (1997), *op.cit.*, h. 63-70.

Namun sebelum penguraian secara lebih lanjut, perlu dinyatakan bahawa konsep harta pusaka adat berbeza dengan konsep harta pusaka menurut Islam dari beberapa sudut tertentu antaranya :

i) Hak pemilikan harta.

Pemberian hak milik tanah adat kepada golongan perempuan bukan secara mutlak. Menurut peraturan adat, tanah kepunyaan suku akan diletakkan di bawah jagaan pihak perempuan dan pihak lain samada lelaki atau perempuan di dalam suku yang sama mempunyai hak untuk mengusahakan tanah tersebut.⁶¹ Perempuan hanyalah sebagai pemegang amanah harta milik sukunya sahaja kerana hak milik sebenarnya terletak di bawah pentadbiran Lembaga selaku ketua adat.⁶² Dalam hal sebegini, kedudukan perempuan terhadap harta adat tidak bebas malah terikat dengan suatu peruntukan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh adat. Selain itu, apabila pemegang harta adat meninggal dunia, harta tersebut akan dipindahkan kepada pihak perempuan yang lain secara bergilir-gilir sebagaimana yang telah dipersetujui.

⁶¹ Zainal Kling (1994), "Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat", dalam A. Samad Idris (ed.), *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*, op.cit., h. 161.

⁶² M. B Hooker (1972), *op.cit.*, h. 209.

ii) Bentuk pewarisan.

Bentuk pewarisan yang diamalkan oleh adat berbeza dengan sistem pewarisan sebagaimana yang difahami dalam Islam. Pewarisan tanah adat sebenarnya merupakan suatu proses yang melibatkan pemindahan peranan dalam pengurusan dan pengelolaan harta pusaka milik bersama bukannya peralihan harta kepada individu secara peribadi untuk dimiliki secara perseorangan.⁶³ Selain itu, pewarisan tanah adat daripada pihak ibu kepada pihak anak berlaku bukan sahaja disebabkan oleh kedudukan anak tersebut (hubungan anak dengan ibu) tetapi ianya juga disebabkan oleh pertalian anak dengan suku ibunya.⁶⁴

Berasaskan perbezaan yang telah dinyatakan, jelas menunjukkan bahawa konsep pembahagian harta adat tidak sepertutnya diklasifikasikan sebagai harta pusaka sebagaimana menurut Islam kerana ia tidak memenuhi kriteria-kriteria sistem pusaka Islam. Ini dapat dilihat melalui konsep hak milik terhadap harta tersebut. Menurut Islam, konsep pemilikan harta sebegini dikenali sebagai pemilikan tidak sempurna (*milk al-nāqīṣ*) kerana ia melibatkan pemilikan samada harta (*milk al-'ayn*) atau manfaat (*milk al-manfa'ah*) sahaja.⁶⁵

⁶³ H. Sjoffian Thalib (1999), "Pembahagian Harta Pusaka Menurut Adat Perpatih: Pengalaman Indonesia", dalam *Pentadbiran Harta Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), h. 269.

⁶⁴ Safrudin Halimy Kamaluddin, (2000), "Hukum Keluarga Adat Minangkabau: Satu Kajian Menurut Hukum Syarak" (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 218.

⁶⁵ Wahbah al-Zuhayli (1997M/1418H), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, j. 6, c. 4. Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 4551-4553.

Selain itu, kedudukan harta adat juga tidak menepati syarat harta (*al-mawrūth*) dalam rukun *al-farā'i id*.⁶⁶ Berdasarkan hukum *fīqh* Islam, konsep harta pusaka yang boleh diwariskan kepada waris yang masih hidup mestilah terdiri daripada harta yang dimiliki oleh si mati samada berbentuk wang ringgit, benda atau hak-hak tertentu. Harta-harta amanah dan sebagainya tidak tergolong dalam harta peninggalan si mati.⁶⁷ Berdasarkan kenyataan ini, golongan perempuan yang bertanggungjawab memegang harta amanah kaumnya tidak termasuk dalam konsep *al-farā'i id*. Harta pusaka adat bukan hak milik persendirian tetapi sebenarnya adalah hak bersama cuma pihak perempuan diberi keistimewaan untuk menjaga tanah tersebut.

Jadi, pendekatan yang boleh diguna pakai bagi membolehkan adat ini diikuti dan diteruskan adalah berdasarkan konsep wakaf dalam Islam. Melaluinya, konsep harta adat diklasifikasikan sebagai tanah wakaf khas.⁶⁸ Wakaf menurut istilah dikalangan fuqaha *al-Hanafiyah*, *al-Syāfi'iyyah* dan *al-Hanābilah* ialah pemberian harta atau benda yang bersifat kekal 'aynnya (zatnya) yang boleh diambil atau digunakan manfaatnya kepada sesuatu tempat atau pihak tertentu semata-mata untuk mendekatkan diri kepada Allah.⁶⁹ Wakaf khas pula merupakan wakaf yang dilakukan oleh seseorang khusus untuk individu tertentu umpamanya anak cucu dan sebagainya.⁷⁰

⁶⁶ *Ibid.*, j. 10, h. 7703.

⁶⁷ *Ibid.*, h. 7701.

⁶⁸ A. Samad Idris (1999), "Pembahagian Harta Pusaka Menurut Adat Perpatih: Pengalaman di Malaysia", dalam *Pentadbiran Harta Menurut Islam*, *op.cit.*, h. 236.

⁶⁹ *al-Zuhayli* (1997M/1418H), *op.cit.*, h. 7601.

⁷⁰ *Ibid.*, h. 7607.

Pendekatan ini juga merupakan suatu usaha yang telah dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan untuk memperjelaskan tentang kedudukan sebenar tanah adat menurut hukum *syara'*.⁷¹ Walaupun Inggeris telah memperkenalkan sistem pendaftaran hak milik dan perempuan selaku pemegang tanah adat telah dicatatkan namanya pada geran tanah tersebut, tetapi peraturan adat tetap dipatuhi dan ini dinyatakan dalam Enakmen Pemegangan Adat Bab 215.⁷²

Secara lebih jelas, sistem pembahagian tanah adat mengalami perbezaan hanya dari sudut pendaftaran hak milik sahaja. Pendaftaran hak milik kepada perempuan bukan bererti golongan perempuan memiliki tanah adat tersebut secara bebas. Diakui pada peringkat awal pengenalan sistem pendaftaran ini menunjukkan kebenaran kata-kata tersebut, tetapi melalui beberapa pindaaan yang telah dilakukan perjalanan sistem adat Perpatih yang asal tetap diguna pakai sepenuhnya.

4.2.2.2(b)] Adat itu hendaklah telah ada terlebih dahulu ketika hendak dilakukan tindakan itu dan ianya berterusan.

Tradisi merantau merupakan faktor utama yang mendorong masyarakat Minangkabau merantau untuk membuka suatu kawasan baru di luar alam Minangkabau.⁷³ Kedatangan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan turut membawa warisan adat yang akhirnya berjaya diterapkan ke dalam masyarakat tempatan. Berasaskan fakta sejarah, tempoh perjalanan adat Perpatih ini telah

⁷¹ A. Samad Idris (1999), *op.cit.*, h. 236.

⁷² Abdullah Siddik (1975), *op.cit.*, h. 149.

⁷³ Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *op.cit.*, h. 75-76.

bertapak terlebih dahulu sebelum kedatangan Islam kerana Islam telah datang ke Negeri Sembilan khususnya di Sungai Ujong pada abad ke-15 iaitu selari dengan perkembangan Islam di Melaka.⁷⁴ Oleh yang demikian, sistem pembahagian tanah adat telah diikuti dan diamalkan mendahului zaman kemunculan Islam.

Kini kedudukan adat Perpatih di Negeri Sembilan dan Melaka telah mendapat pengiktirafan undang-undang oleh Perlembagaan Persekutuan di bawah Article 160(2) dan Article 90(i). Di Negeri Sembilan, pembahagian harta pusaka adat terpelihara sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 32 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan dan perlaksanaannya adalah berpandukan sistem adat Perpatih sebagaimana yang termaktub dalam undang-undang *Customary Tenure Enactment (C.T.E) Capter 215 of the Revise Laws of the FMS 1936* yang kini dikenali sebagai Enakmen Pemegangan Adat Bab 215⁷⁵ dan Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkungan) 1960. Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 telah menyatakan bahawa :

*No customary land or any interest there in shall be transferred, charge or leased except with the essent of the Lembaga of the tribe of the registered owner their by and unless such notice in writing or otherwise of the intension to transfer, charge or leased as the Collector may deem sufficient shall have been published for a period of not less than one month immediately preceding the excecution of such transfer or charge or leased.*⁷⁶

Di daerah Naning, tanah adat masih terpelihara dan dilindungi oleh Perlembagaan Negeri Melaka Bahagian (iv) Adat Perpatih Naning Article 94 dan

⁷⁴ Khoo Kay Kim (1994), "Adat dan Perkembangan Politik: Pembangunan Masyarakat Negeri Sembilan", dalam A. Samad Idris (ed.), *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*. Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan.

⁷⁵ Abdullah Siddik (1975), *op.cit.*, h. 148.

⁷⁶ s.7 (iv). *Customary Land Tenure Enactment, Cap. 215*.

Jadual Kedua, *Chapter 125 Malacca Lands Customary Rights Article 5* dan *National Land Code (Penang And Malacca Titles) Act: 1963.*⁷⁷

4.2.2.2(c)] Adat itu hendaklah menyeluruh (غالباً) dan meluas (مطرداً).

Hukum adat Perpatih masih lagi kekal diamalkan di Negeri Sembilan (kecuali daerah Port Dickson), Naning di Melaka dan daerah Minangkabau di Sumatera. Di Sumatera, antara daerah yang berpegang teguh terhadap adat ini ialah Sungai Pagu (terkenal dengan nama Alam Sarambi Sungai Pagu), Banda Sepuluh Indrapura (terkenal dengan Ujueng Pagarruyung Sarambi Alam Minangkabau), Dua Belas Koto, Rantau Cati Nan Tigo, Kuantan (terkenal juga dengan panggilan Rantau Nan Kurang Aso Duo Puluh, Indragiri, Kampar, Siak Sri Indrapura, Pasaman, Tiku-Pariaman (juga dikenali sebagai Rantau Riak Nan Badabue) dan Padang Terusan.⁷⁸ Bagi pengamal adat ini, pembahagian harta pusaka suku dikenali sebagai harta pusaka tinggi dan pewarisannya sebagaimana dinyatakan “tetap menjadi milik kerabat serta dikuasai oleh penghulu andiko atau mamak kepala waris”.⁷⁹

Di Negeri Sembilan, daerah yang masih lagi mendasari adat Perpatih ialah Seremban, Rembau, Tampin, Kuala Pilah, Jempol dan Jelebu.⁸⁰ Mengenai tanah pusaka adat pula, ianya hanya terhad kepada empat daerah sahaja merangkumi Kuala Pilah, Rembau, sedikit di Tampin dan Jelebu.⁸¹

⁷⁷ Mohd Shah b. Mohd Said al-Haj (1996), *Tambo Alam Naning*. Kuala Lumpur: DBP, h. 416-418.

⁷⁸ Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *op.cit.*, h. 77.

⁷⁹ Soerjono Soekanto dan Soleman b. Taneko (1981), *Hukum Adat Indonesia*. Jakarta: Penerbit CV Rajawali, h. 293.

⁸⁰ Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *op.cit.*, h. 85.

⁸¹ A. Samad Idris (1999), *op.cit.*, h. 228.

Di Naning pula, adat Perpatih diikuti oleh sebahagian besar masyarakat Melayu di daerah Alor Gajah yang merangkumi mukim Ramuan China Besar, Ramuan China Kecil, Sungai Baru Ulu, Masjid Tanah, Sungai Siput, Berisu, Pulau Sebang, Tanjung Rimau, Padang Sebang, Gadek, Melaka Pindah, Rembia, Ayer Pak Abas, Lendu, Sungai Buluh, Melekek, Tabuh Naning, Pegoh, Kelemak, Sungai Petai, Kemuning dan Tebong. Selain itu, mukim Batang Melaka, Jus dan Nyalas yang terletak di daerah Jasin juga turut beramal dengan adat Perpatih.⁸²

4.2.2.2(d)] Tiada suatu perkataan atau perbuatan yang secara terang menolak penggunaan adat tersebut.

Penerimaan sistem pusaka adat telah diamalkan dalam jangkamasa yang lama. Dikalangan pengamal adat, setiap tanah yang tertera “*Customary Land*”, pentadbirannya akan dilaksanakan mengikut peraturan adat Perpatih sebagaimana yang terkandung dalam Enakmen Pemegangan Adat Bab 215. Manakala selainnya pula, pembahagiannya berdasarkan *The Small Estate Distribution Ordinan 1972 (Revise) Act 98*.

Bagi memastikan perlaksanaan tanah adat diterima oleh semua pihak, beberapa perubahan telah dilakukan. Antaranya perubahan terhadap undang-undang C.T.E 215 agar ianya selari dengan hukum *syara'*. Melaluinya satu ceraian telah diperuntukkan di bawah undang-undang C.T.E 215 yang membolehkan pemilik tanah adat memohon pengecuaian terhadap tanah adat supaya dijadikan tanah kawasan Melayu dan juga peruntukan tanah adat sebagai

⁸² Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *op.cit.*, h. 89-90.

tanah wakaf khas dengan mengakui dan mengekalkan syarat-syarat pada C.T.E 215.⁸³

Pembaharuan juga turut dilakukan terhadap *The Small Estate Distribution Ordinan 1972 (Revise) Act 98* antaranya membatalkan ceraian (i) dengan menggantikan “bahawa tiap-tiap orang meninggal dan hartanya berada di dalam Negeri Sembilan, maka pembahagian hartanya itu hendaklah mengikut agama si mati itu”.⁸⁴

Oleh yang demikian, amalan pemberian tanah adat kepada golongan perempuan telah diikuti dan diterima pakai sepenuhnya dikalangan masyarakat beradat Perpatih. Pihak-pihak yang terlibat khususnya masyarakat Melayu di Negeri Sembilan yang berpegang teguh kepada amalan adat ini akan menerima perlaksanaan tanah adat tanpa berlakunya sebarang pertikaian dikalangan mereka. Aturan adat tetap akan dipatuhi lebih-lebih lagi jika tanah tersebut secara jelas menunjukkan bahawa ianya adalah tanah adat yang telah diwarisi sejak dari generasi terdahulu.

4.2.3) Adat penggandaan barangang hantaran.

4.2.3.1) Sejarah perkembangan penggandaan barangang hantaran.

Masyarakat Melayu beranggapan pertunangan merupakan suatu ikatan perjanjian perkahwinan yang telah dipersetujui oleh keluarga pihak lelaki dan

⁸³ A. Samad Idris (1999), *op.cit.*, h. 236.

⁸⁴ *Ibid.*, h. 228.

perempuan.⁸⁵ Lazimnya, sebelum istiadat pertunangan dijalankan ianya didahului oleh upacara merisik dan melamar terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, memandangkan kini masyarakat Melayu lebih banyak terdedah kepada budaya kemajuan, amalan-amalan adat seperti merisik dan melamar dianggap kurang penting bahkan jarang dilakukan.

Istiadat pertunangan memang menjadi suatu kimestian dikalangan masyarakat Melayu sebelum berlakunya majlis pernikahan. Pada kebiasaannya, semasa istiadat pertunangan dilakukan kedua-dua pihak lelaki dan perempuan akan saling bertukar-tukar hantaran dalam jumlah yang ganjil seperti 5, 7, 9, 11 dan seterusnya.⁸⁶ Pihak lelaki akan membawa tepak sirih, cincin pertunangan serta manisan sementara pihak perempuan pula akan membalasnya dengan sirih junjung dan manisan.⁸⁷ Upacara pertunangan ini merupakan suatu warisan yang menjadi ikutan oleh masyarakat Melayu yang kadangkala bercampur aduk dengan unsur-unsur lain yang boleh merosakkan kemurnian adat pertunangan masyarakat Melayu itu sendiri.

Dalam istiadat pertunangan yang diamalkan oleh orang Melayu, kebiasaannya mengandungi beberapa perkara penting antaranya tempoh pertunangan, belanja perkahwinan dan berpegang pada kata-kata adat yang menetapkan denda yang dikenakan dan mesti ditunaikan oleh pihak-pihak yang mungkir janji iaitu :

⁸⁵ Yaacob Harun (1995), *Kekeluargaan dan Perkahwinan Melayu, Konsep Asas*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 105.

⁸⁶ Amran Kasimin (1993), *Istiadat Perkahwinan Melayu Yang Bukan Daripada Ajaran Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Dinie Publisher, h. 14-15.

⁸⁷ *Ibid.*

Helah lelaki luncur
Helah perempuan berganda

Kata-kata ini bermaksud :

Sekiranya si teruna tidak mahu meneruskan pertunangan atau memutuskan pertunangan, wang hantaran belanja luput (terus menjadi milik si dara). Sekiranya si dara tidak mahu meneruskan pertunangan itu, maka keluarga si dara hendaklah memulangkan cincin tanda, wang hantaran, hadiah iringan dalam bentuk gandaan kepada keluarga si teruna.⁸⁸

Amalan ini didasarkan kepada adat semata-mata. Jika kedua-dua pihak bersetuju untuk mengikutinya, ianya akan diteruskan tanpa wujudnya bantahan daripada pihak-pihak yang terlibat. Walaupun begitu, terdapat juga adat yang menghendaki pemulangan barang hantaran sahaja atau sebahagiannya sahaja seperti cincin.

4.2.3.2) Analisis adat berdasarkan teori *al-'Urf wa al-'Adah*.

4.2.3.2(a)] Adat itu tidak bertentangan dengan nas iaitu merupakan adat yang *sahīḥ*.

Pertunangan dianggap sebagai salah satu daripada ikatan perjanjian bersesuaian dengan firman Allah yang bermaksud :

وَلَا تَقْرِبُوا مَالَ الْيَتَامَةِ إِلَّا بِمَا تَرَى هُنَّ أَخْسَنُ حَتَّى يَبْلُغُ أَشْدَهُهُ وَأَوْفُوا
بِالْعَهْدِ إِنَّ الْمُهَمَّ دَكَانَ مَسْتَغْلَلًا

⁸⁸ Husin Embi, Haron Hj. Kidam dan Hj. Mokhtar Md. Yassin (1996), "Adat Istiadat Perkahwinan di Melaka", dalam Zainal Abidin Borhan (ed.), *Adat Istiadat Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), h. 68.

Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya.

Surah al-Isrā' (17):34.

Pertunangan hanyalah semata-mata satu perjanjian untuk perkahwinan. Oleh itu, harus kedua-dua pihak samada lelaki ataupun perempuan untuk membatalkan ikatan pertunangan jika enggan meneruskan matlamat tersebut.⁸⁹ Aspek memutuskan pertunangan telah diperincikan perbincangan tentangnya di dalam kebanyakan kitab-kitab *fiqh* klasik. Kebanyakan fuqaha mazhab *fiqh* terkemuka bersetuju bahawa jika berlaku putus tunang, mahar yang telah diberikan hendaklah dikembalikan semula sekiranya masih ada. Jika telah rosak, hendaklah dikembalikan dengan nilai atau barang yang sama dengannya. Pemulangan ini meliputi kedua-dua pihak samada yang memutuskan itu pihak lelaki atau perempuan.⁹⁰

Namun fuqaha berbeza pandangan mengenai pemulangan barang hantaran apabila ikatan sesuatu pertunangan itu diputuskan :

i. Mazhab Maliki.

Fuqaha ini melihat dari sudut siapa yang memungkiri ikatan pertunangan tersebut. Sekiranya pihak yang memungkiri adalah pihak lelaki, segala barang hantaran yang telah diberikan tidak berhak untuk ditarik balik

⁸⁹ al-Zuhayli (1997M/1418H), j. 9, *op.cit.*, h. 6509.

⁹⁰ *Ibid.*, h. 6510.

manakala jika pertunangan diputuskan oleh pihak perempuan, pihak lelaki berhak untuk menuntut kembali segala barang hantaran yang telah diberikan sekiranya barang tersebut masih ada. Jika ianya telah rosak, hendaklah diganti semula.⁹¹ Pemulangan ini dianggap sebagai adil kerana pemberian yang diberi adalah sebagai syarat kekalnya ikatan perjanjian pertunangan. Sekiranya ikatan tersebut telah terbatal, pihak pemberi hadiah berhak mengambil kembali barangannya.⁹²

ii. Mazhab Hanafi.

Segala hadiah yang diberikan oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan dianggap sebagai *hibah* (pemberian). Pihak yang memberi berhak menuntut kembali barang yang telah diberikan kecuali jika terdapat halangan untuk menuntut kembali pemberiannya seperti barangan tersebut telah rosak.⁹³ Lantaran itu, jika ikatan sesuatu pertunangan dibatalkan segala pemberian barangan seperti gelang, cincin atau jam berhak dituntut kembali oleh pihak lelaki jika barangan tersebut masih ada. Sekiranya barangan itu tiada disebabkan ianya telah hilang atau berubah dari keadaan asalnya ataupun telah dimakan, pihak lelaki tidak berhak untuk menuntut kembali barangan tersebut atau meminta ganti rugi mengenainya.⁹⁴

⁹¹ Sayyid Säbiq (1997M/1417H), j. 2, *op.cit.*, h. 123-124.

⁹² al-Zuhayli (1997M/1418H), *op.cit.*, h. 6510.

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ Sayyid Säbiq (1997M/1417H), *op.cit.*, h. 124.

iii. Mazhab Syafi'i.

Segala pemberian semasa pertunungan hendaklah dipulangkan kepada pihak lelaki samada ianya masih ada atau telah rosak kerana pemberian itu diberikan untuk membolehkannya berkahwin dengan pihak perempuan.⁹⁵ Jika ianya masih ada, hendaklah dipulangkan kembali. Jika ianya telah rosak, dikembalikan nilai yang sama dengan barangang tersebut.⁹⁶

iv. Mazhab Hanbali.

Segala pemberian barangan hendaklah dipulangkan kembali kepada pihak lelaki.⁹⁷

Daripada pandangan-pandangan ini, jelas menunjukkan bahawa amalan penggandaan yang diamalkan oleh orang Melayu hanya semata-mata menuruti kehendak adat sahaja. Walaupun tidak dinyatakan hukum tentangnya di dalam perbincangan fuqaha, namun adat ini masih diamalkan kerana sudah menjadi ikutan sejak dari dahulu lagi. Pihak yang terlibat samada lelaki mahupun perempuan akur kepada kehendak adat apabila dikehendaki berbuat demikian. Walaupun begitu, jika amalan penggandaan tidak disebutkan semasa majlis tersebut maka kedua-dua pihak khususnya pihak perempuan tidak perlu untuk berbuat demikian.

⁹⁵ al-Zuhaylī (1997M/1418H), *op.cit.*, h. 6510.

⁹⁶ Sayyid Sābiq (1997M/1417H), *op.cit.*, h. 124.

⁹⁷ al-Zuhaylī (1997M/1418H), *op.cit.*, h. 6510.

4.2.3.2(b)] Adat itu hendaklah telah ada terlebih dahulu ketika hendak dilakukan tindakan itu dan ianya berterusan.

Amalan adat telah lama mendasari orang Melayu sebelum kedatangan Islam lagi. Adat diikuti dalam segenap aspek kehidupan kerana ketika itu hanya adat yang dapat menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat. Setelah kedatangan Islam, beberapa penyesuaian telah cuba diadaptasikan terhadap adat-adat ini agar ianya dapat diteruskan dan menepati kehendak-kehendak Syariah Islam. Kaedah tersebut juga turut diselitkan dalam amalan adat pertunangan orang Melayu. Mengenai konsep penggandaan barang hantaran, orang Melayu akan memperakuinya jika semasa majlis pertunangan kedua-dua pihak yang terlibat bersetuju untuk mengikuti peraturan adat yang menghendaki berbuat demikian.

Kini masyarakat Melayu masih lagi mengikuti amalan adat penggandaan tetapi dalam jumlah yang sedikit sahaja. Dikebanyakannya negeri-negeri telah diperuntukkan di bawah undang-undang keluarga Islam masing-masing mengenai hal yang berkaitan dengan amalan pertunangan. Umpamanya Seksyen 15 Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 (Akta 303) memperuntukkan bahawa :

Jika seseorang telah mengikat suatu kontrak pertunangan mengikut hukum syarak sama ada secara lisan atau secara bertulis dan samada secara bersendirian atau melalui seseorang perantaraan dan kemudianya enggan berkahwin dengan pihak yang satu lagi tanpa sebab yang sah manakala pihak yang satu lagi bersetuju berkahwin dengannya, maka pihak yang mungkir adalah bertanggungjawab memulangkan pemberian-pemberian pertunangan jika ada atau nilainya dan membayar apa-apa wang yang telah dibelanjakan dengan suci hati atau pihak yang satu lagi

*untuk membuat persediaan bagi perkahwinan itu dan yang demikian boleh dituntut melalui tindakan dalam mahkamah.*⁹⁸

Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa kepentingan pihak-pihak yang terlibat khususnya apabila pertunungan tersebut dibatalkan akan mendapat pemeliharaan dan keadilan yang sewajarnya disisi undang-undang. Walaupun adanya peruntukan tersebut, pihak-pihak yang terlibat lebih cenderung untuk menyelesaikannya secara perbincangan bersama di luar mahkamah.

Namun amalan penggandaan umpamanya cincin tidak dinyatakan secara jelas dalam peruntukan undang-undang dikebanyakan negeri. Malah ianya sekadar diikuti apabila dinyatakan dalam majlis akad pertunungan tersebut sahaja. Adat menghendaki penggandaan dilakukan oleh pihak perempuan semata-mata untuk memberi pengajaran tentang pentingnya mengamalkan kejujuran dan keikhlasan dalam setiap perkara khususnya yang melibatkan perjanjian pertunungan.⁹⁹

4.2.3.2(c)] Adat itu hendaklah menyeluruh (غالباً) dan meluas (مطرداً).

Kebanyakan masyarakat Melayu samada yang mengamalkan adat Temenggung atau adat Perpatih di Malaysia masih lagi mengamalkan adat pertunungan. Pada masa kini ianya lebih ringkas dan mudah. Amalan penggandaan barangan akan diikuti oleh kedua-dua pihak jika semasa majlis tersebut telah dipersetujui untuk mengikuti aturan adat. Di Indonesia, masyarakat

⁹⁸ s.15, Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 (Akta 303)

⁹⁹ Husin Embi, Haron Hj. Kidam dan Hj. Mokhtar Md. Yassin (1996), *op.cit.*, h. 68.

Bugis, Aceh dan Melayu-Jambi juga turut mengamalkan adat ini.¹⁰⁰ Pengiktirafan terhadap amalan penggandaan telah dinyatakan seperti berikut :

*Juga apabila ikatan pertunangan diputuskan oleh pihak perempuan dengan tidak ada cukup alasan, maka pihak perempuan harus membayar jujur dua kali, demikian diputuskan oleh Pengadilan Negeri Medan dengan keputusannya untuk perkara No.240/1956 tanggal 17 Juli 1956.*¹⁰¹

Persamaan dari aspek ini jelas menunjukkan bahawa lingkaran kehidupan kedua-dua masyarakat hampir sama diantara satu sama lain. Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan bahawa amalan adat ini kadangkala juga mempunyai persamaan dari aspek-aspek tertentu.

4.2.3.2(d)] Tiada suatu perkataan atau perbuatan yang secara terang menolak penggunaan adat tersebut.

Mengikuti amalan adat yang sekian lama diwarisi dari generasi terdahulu sinonim dengan kehidupan orang-orang Melayu. Segala warisan lama ini seharusnya dipelihara dan dikekalkan selagi ianya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Begitu juga dengan amalan pemberian hantaran dan barang semasa pertunangan ini. Ianya masih diamalkan sebagai tanda menghargai tradisi adat.

¹⁰⁰ Syarif Ibrahim Alqadrie (2001), "Nilai Budaya, Tradisi dan Adat Istiadat Kelompok Etnik, Bugis di Kalimantan Barat", Tgk Hj Ali Hasjmy (2001), "Adat Melayu Aceh" dan Lembaga Adat Propinsi Jambi (2001), "Proses Kegiatan Acara Pernikahan Adat Jambi", dalam Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), *Adat Melayu Serumpun Adat Bersendi Syarak Syarak Bersendi Kitabullah*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), *op.cit.*, h. 329, h. 394 dan h. 444.

¹⁰¹ Soerjono Soekanto dan Soleman b. Taneko (1981), *op.cit.*, h. 247-248.

Dalam upacara pertunangan, perbincangan mengenai perjanjian menghadapi takdir jika pertunangan itu diputuskan atas sebab-sebab tertentu merupakan perkara penting.¹⁰² Dalam perbincangan ini, amalan adat mengenai penggandaan hantaran akan diterima pakai jika kedua-dua pihak bersetuju untuk mengikutinya dan tiada paksaan bagi kedua-dua pihak untuk mematuhi kehendak adat ini. Kebiasaannya pihak yang terlibat akur dan tidak membantah kehendak adat dan seolah-olah sanggup menerimanya. Undang-undang yang digubal mengenai hal pertunangan ini juga tidak menghalang kedua-dua pihak untuk mengikuti peraturan adat apabila ianya telah dipersetujui secara bersama.

Walau bagaimanapun, pemahaman tentang konsep penggandaan ini kadangkala juga menimbulkan kekeliruan dikalangan masyarakat Melayu yang mengamalkannya. Ini dapat dilihat dalam kes yang melibatkan perselisihan faham antara pihak lelaki yang mengamalkan adat Perpatih di daerah Rembau dengan pihak perempuan dari daerah Naning.¹⁰³ Permasalahan ini terjadi disebabkan oleh kedua-dua pihak yang tidak menyatakan secara jelas tentang konsep penggandaan yang sepatutnya diikuti apabila ikatan pertunangan diputuskan.

Oleh itu, amalan adat penggandaan telah diperakui amalannya dikalangan orang Melayu. Kedua-dua pihak yang terlibat perlu menyatakan secara jelas semasa berlangsungnya majlis pertunangan samada ingin mengikuti kehendak adat atau tidak. Sekiranya amalan adat ini dinyatakan secara jelas, maka ianya akan diikuti.

¹⁰² Amran Kasimin (1995), *Istiadat Perkahwinan Melayu: Satu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: DBP, h. 21.

¹⁰³ Mohd Shah b. Mohd Said al-Haj (1996), *op.cit.*, h. 94-95.

4.2.4) Sistem pawah.

4.2.4.1) Sejarah perkembangan amalan pawah.

Amalan pawah merupakan suatu kaedah usahasama yang melibatkan dua pihak (pemilik dengan pengusaha) dalam bidang pertanian ataupun penternakan.¹⁰⁴ Bagi pawah yang melibatkan pertanian, pemawah (pengusaha) akan menggunakan tanah tersebut untuk menanam padi, getah dan sebagainya serta segala hasil yang diperolehi akan dibahagi dua diantara kedua-dua pihak yang terlibat.¹⁰⁵ Bagi pawah yang melibatkan binatang peliharaan, pemawah (pengusaha) akan memelihara lembu betina yang diterima daripada pemiliknya untuk tempoh tertentu dan hasil yang diperolehi (anak) akan dibahagi secara bersama.¹⁰⁶

4.2.4.2) Analisis adat berdasarkan teori *al-'Urf wa al-'Adah*.

4.2.4.2(a)] Adat itu tidak bertentangan dengan nas iaitu merupakan adat yang *sahīl*.

Amalan pawah yang diamalkan oleh orang Melayu mempunyai persaman dengan kontrak *al-muzāra'ah* dan *al-musāqāh* dalam sistem muamalat Islam dari

¹⁰⁴ Teuku Iskandar (1994), *Kamus Dewan*. c. 5. Kuala Lumpur: DBP, h. 920.

¹⁰⁵ Mazelin binti Ali (1988), "Sistem Pawah Dalam Islam dan Amalannya Dalam Masyarakat Melayu di Kawasan Kuala Nerus, Terengganu" (Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 41.

¹⁰⁶ Mohd Noor Daud dan Shamsiah Mohamad (2000), "Pengaruh Budaya Melayu Dalam Hukum Kontrak Muamalat di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa 111 Peringkat Kebangsaan 2000 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 6 Oktober 2000), h. 8.

sudut perkongsian hasil.¹⁰⁷ *Al-muzāra'ah* bermaksud satu kaedah perkongsian yang melibatkan penggunaan tanah pertanian diantara tuan tanah dengan pengusaha, hasil yang didapati akan dibahagi dua diantara keduanya mengikut perjanjian atau 'urf setempat.¹⁰⁸ *Al-musāqāh* pula merupakan suatu kontrak dimana pemilik tanah (pokok) memberikan tanahnya kepada pengusaha untuk diusahakan dan hasilnya dibahagi dua secara sama rata.¹⁰⁹ Fuqaha *al-Syāfi'iyyah* berpendapat amalan *al-muzāra'ah* mempunyai persamaan dengan amalan *al-mukhābarah*.¹¹⁰

Fuqaha mazhab berselisih pendapat dalam menentukan hukum tentang amalan *al-muzāra'ah* dan *al-musāqāh* kepada dua golongan:¹¹¹

- i) Golongan yang mengharuskan terdiri daripada fuqaha *al-Syāfi'iyyah*, Mālik, Aḥmad, Abū Yūsuf dan Muḥammad bin Ḥassan.¹¹²

Buktinya :

- (i) Hadith Rasulullah s.a.w.

عَنْ أَبِي عُمَرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَلَ أَهْلَ خَيْرٍ بِشَطْرٍ مَا يَخْرُجُ مِنْهَا إِنْ ثَمَّ أَوْ زَرَعٌ¹¹³

¹⁰⁷ *Ibid.*, h. 9.

¹⁰⁸ *al-Mu'jam al-Wasīf* (1972M/1392H), j. 1, c. 2, Qaherah: T.P., h. 392.

¹⁰⁹ *al-Zuhaylī* (1997M/1418H), j. 6, *op.cit.*, h. 4704.

¹¹⁰ *Ibid.*, h. 4685.

¹¹¹ Syeikh al-Imām Muḥammad b. Ismā'il al-Āmir al-Yamāni al-Šan'āni (t.t.), *Subulu al-Salām Sayrah Bulūgh al-Marām*, j. 3, Mansurah: Maktabah al-Imān, h. 125.

¹¹² *al-Zuhaylī* (1997M/1418H), *op.cit.*, h. 4685.

¹¹³ al-Imām Abū al-Husayn Muslim b. al-Hajjāj b. Muslim al-Qusayrī, (1998M/1419H), *Sahīh Muslim*, Kitāb al-Musāqāh, Bāb al-Musāqāh bi juz' min al-Thamar wa al-Zira', no. hadith 1551.

Daripada Ibnu ‘Umar r.a sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah bermuāmalah dengan penduduk *Khaybar* dengan separuh daripada apa yang dihasilkan yang terdiri daripada buah-buahan dan tanaman.

- (ii) Amalan ini juga merupakan satu perkongsian diantara harta dan usaha yang menyerupai amalan *al-muqārah* yang telah dibenarkan dalam Islam.¹¹⁴
- ii) Golongan yang tidak mengharuskan terdiri daripada Abū Ḥanīfah, Zufar dan al-Syāfi‘ī.¹¹⁵

Buktinya:

- (i) Hadith Rasulullah s.a.w.

عَنْ ثَابِتِ بْنِ الصَّحَّافِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَىٰ عَنِ الْمُزَارَعَةِ وَأَمَرَ بِالْمُؤَاجِرَةِ¹¹⁶

Daripada Thābit bin al-Duhhāk r.a sesungguhnya Rasulullah s.a.w. melarang amalan *al-muzāra‘ah* dan menyuruh amalan menyewa tanah.

Berasaskan kedua-dua pendapat golongan tersebut, dapat dibuat kesimpulan bahawa larangan Rasulullah s.a.w. mengenai amalan *al-muzāra‘ah* dan *al-musāqāh* hanya untuk sementara waktu sahaja kerana ketika itu memiliki tanah adalah satu keperluan. Oleh kerana kaum Muhajirin tidak memiliki tanah,

¹¹⁴ al-Zuhaylī (1997M/1418H), *op.cit.*, h. 4685.

¹¹⁵ *Ibid.*

¹¹⁶ al-Imām Abū al-Ḥusayn Muslim b. al-Hajjāj b. Muslim al-Qusayrī (1998M/1419H), Ṣaḥīḥ Muslim. Kitāb al-Buyū‘, Bāb fī al-Muzāra‘ah wa al-Mu’ājarah, no. hadith 1549.

Rasulullah s.a.w. menyuruh golongan Ansar memberi kemudahan tanah tersebut untuk kegunaan kaum Muhajirin.¹¹⁷

Oleh yang demikian, amalan *al-muzāra'ah* dan *al-musāqāh* ini adalah sesuatu yang harus dilakukan kerana ia tidak melibatkan unsur-unsur *gharar* juga tempoh pemilikannya diketahui sebagaimana amalan yang melibatkan sewaan.¹¹⁸ Ia juga telah mendapat pengiktirafan disisi Rasulullah s.a.w. kerana baginda turut mengamalkannya.¹¹⁹

4.2.4.2(b)] Adat itu hendaklah telah ada terlebih dahulu ketika hendak dilakukan tindakan itu dan ianya berterusan.

Perusahaan secara pawah telah diamalkan oleh generasi terdahulu dan turut diamalkan oleh masyarakat lain tetapi dalam konteks yang berbeza dari segi perlaksanaannya.¹²⁰ Pada zaman Melayu tradisional, tidak terdapat suatu peraturan bertulis yang khusus dalam menentukan amalan ini kerana ianya diikuti semata-mata berdasarkan amalan adat yang telah ditetapkan sejak turun-temurun. Berasaskan fakta-fakta kajian yang telah dilakukan oleh kebanyakan penyelidik-penyeledik tempatan tentang amalan ini, jelas menunjukkan bahawa ianya telah berkembang hasil daripada kebiasaan orang Melayu sejak dahulu lagi.¹²¹ Kini

¹¹⁷ al-Šan`āni (t.t), *op.cit.*, h. 127.

¹¹⁸ al-Zuhayli (1997M/1418H), *op.cit.*, h. 4685.

¹¹⁹ *Ibid.*

¹²⁰ Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Getah, Bahagian Ekonomi dan Perancangan (1981), *Kajian Sistem Pawah di kalangan Pekebun Kecil Bahagian EPB RISDA*, h. i.

¹²¹ Lihat kajian-kajian yang telak dilakukan oleh Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Getah, Bahagian Ekonomi dan Perancangan (1981), Mazelin binti Ali (1988), Mohd Noor Daud dan Shamsiah Mohamad (2000) dan Mohd Fauzi b. Audzir (2003), "Urus Tempatan di Negeri Kedah dan Kesannya Terhadap Perubahan Hukum: Satu Analisis" (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqih dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

amalan pawah masih diteruskan bahkan perlaksanaannya lebih sistematik dengan wujudnya garis panduan dan badan-badan tertentu yang menguruskannya.

4.2.4.2(c)] Adat itu hendaklah menyeluruh (غالباً) واسع (مطربداً).

Jika pada zaman tradisional sistem pawah terutamanya yang melibatkan penternakan haiwan hanya melibatkan pihak persendirian, kini sistem pawah turut dilaksanakan oleh pihak swasta dan badan kerajaan seperti Kementerian Pertanian melalui penglibatan jabatan pertanian di setiap peringkat negeri dan daerah.

Contohnya usaha yang dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternakan bagi negeri Sabah yang bertanggungjawab menguruskan skim pawah kambing dan kerbau. Dalam sistem pawah ini, pihak Jabatan membekalkan *input* seperti baka ternakan, kursus asas ternakan dan bahan-bahan infrastruktur yang diperlukan. Para penternak yang menyertainya pula dikehendaki menyediakan tanaman pastura, pembinaan kandang dan pagar serta menguruskan ternakan yang diagihkan. Penternak juga dikehendaki untuk membayar balik kepada jabatan jumlah ternakan pawah melalui pembayaran anak atau pembayaran secara tunai.¹²²

Antara negeri-negeri yang masih mengamalkan sistem pawah penternakan ialah Terengganu,¹²³ Kelantan,¹²⁴ Perak,¹²⁵ Sabah dan Sarawak.¹²⁶ Kebanyakan

¹²² Lihat laman web www.sabah.gov.my/hewan/projekse1.htm, 29 Oktober 2003.

¹²³ Mazelin binti Ali (1988), *op.cit.*, h. 41.

¹²⁴ Lihat laman web www.members.tripod.com/-rostam97/9699/909903.htm, 29 Oktober 2003.

¹²⁵ Lihat laman web www.Pdt-manjung.perak.gov.my/BM/Sejarah.html, 29 Oktober 2003.

¹²⁶ Lihat laman web www.jphpk.gov.my/Malay/Apr%202002%2024ta.htm, 29 Oktober 2003.

negeri-negeri ini mempunyai badan-badan khusus yang melaksanakannya kerana kaedah tersebut lebih tersusun dan memudahkan kedua-dua pihak (badan dan pengusaha) untuk menguruskannya.

Begitu juga dengan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad untuk peserta Desa Taqwa di jajahan Machang, Kelantan¹²⁷ dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sarawak yang melaksanakan skim lembu pawah dan kambing kepada pengusaha ladang kelapa sawit di negeri tersebut.¹²⁸

Di Kedah, amalan pawah pertanian lebih dikenali sebagai amalan pajak yang merangkumi pajak bendang dan dusun.¹²⁹ Amalan memajak bendang ini menyerupai amalan *al-mukhārah*. Kebiasaannya pemilik dan pengusaha akan menandatangani perjanjian secara bertulis.¹³⁰ Manakala amalan memajak dusun pula, pemilik dusun akan mengupah orang lain (pengusaha) untuk mengusahaannya tanpa perlu menandatangani perjanjian secara bertulis hanya sekadar perjanjian secara lisan sahaja.¹³¹

4.2.4.2(d)] Tiada suatu perkataan atau perbuatan yang secara terang menolak penggunaan adat tersebut.

Amalan pertanian dan penternakan merupakan pekerjaan utama bagi kebanyakan masyarakat Melayu yang mendiami kawasan luar bandar.

¹²⁷ Lihat laman web www.members.tripod.com/-rostam97/9099_909903.htm, 29 Oktober 2003.

¹²⁸ Lihat laman web www.jphpk.gov.my/Malay/Apr%202002%2024a.htm, 29 Oktober 2003.

¹²⁹ Mohd Fauzi b. Audzir (2003), *op.cit.*, h. 76-77.

¹³⁰ *Ibid.*

¹³¹ *Ibid.*

Kebiasaannya masyarakat Melayu yang mengikuti amalan pawah akan melakukan urusan samada secara lisan atau penulisan.¹³² Sistem pawah dapat bertahan dalam jangkamasa yang lama kerana mengandungi unsur-unsur *maṣlahah* dan ianya sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat setempat.¹³³

Oleh yang demikian, pengiktirafan terhadap amalan pawah telah diterima pakai dikalangan masyarakat Melayu khususnya pihak-pihak yang terbabit secara langsung dalam pengamalannya. Pihak pemilik dan pengusaha yang mengamalkan amalan pawah akan memperakui perlaksanaan amalan ini sebagaimana yang telah ditetapkan oleh adat. Walaupun begitu, jika kedua-dua pihak menyatakan secara terang enggan mengakui kehendak adat tentang perlaksanaan amalan pawah tersebut, maka ianya akan diterima pakai.

4.3) KESIMPULAN

Berasaskan analisis yang telah dilakukan terhadap adat pembahagian harta sepencarian, amalan pembahagian harta pusaka adat di Negeri Sembilan, adat penggandaan barang bagi pihak perempuan yang memutuskan ikatan pertunungan dan amalan pawah jelas menunjukkan bahawa keempat-empat adat Melayu ini menepati syarat-syarat yang terangkum dalam teori *al-‘Urf wa al-‘Ādah*. Oleh itu, ianya layak untuk dijadikan sebagai sumber hukum yang semasa bagi masyarakat Melayu di Malaysia.

¹³² *Ibid.*

¹³³ Mohd Noor Daud dan Shamsiah Mohamad (2000), *op cit.*, h. 9.